



**NOTIS PERKAPALAN MALAYSIA**  
*MALAYSIA SHIPPING NOTICE*

**JABATAN LAUT MALAYSIA**  
*MALAYSIA MARINE DEPARTMENT*

**MSN 04 / 2023**

Ibu Pejabat Laut Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang  
Tel : 03-33467777, Fax : 03-31685289, E-mail : [kpgr@marine.gov.my](mailto:kpgr@marine.gov.my)  
Webpage : <http://www.marine.gov.my>

---

Notis kepada pemilik dan pengurus kapal, agen perkapalan, Nakhoda, pelaut, pengusaha pelabuhan, Badan Yang Diiktiraf dan industri maritim.

*Notice to shipowners, ship manager, ship agents, Masters, seafarers, port operators, Recognized Organization and the maritime industry*

---

**PENGELUARAN SIJIL INSURANS (*BLUE CARD*) UNTUK PERATURAN KONVENSYEN ANTARABANGSA CLC 1992, BCC 2001 DAN WRC 2007, SERTA SENARAI TERKINI *P&I CLUBS* DAN SYARIKAT-SYARIKAT PEMBERI PERKHIDMATAN INSURANS YANG DIIKTIRAF OLEH JABATAN LAUT MALAYSIA**

*ISSUANCE OF BLUE CARD CERTIFICATE FOR INTERNATIONAL CONVENTION CLC 1992, BCC 2001 AND WRC 2007, AS WELL UPDATED LIST OF P&I CLUBS AND INSURANCE SERVICE PROVIDER COMPANIES RECOGNISED BY MALAYSIA MARINE DEPARTMENT*

---

**Tujuan**

***Purpose***

- |  |   |
|--|---|
| <p>1. Notis ini memaklumkan bahawa Jabatan Laut Malaysia telah mengiktiraf <i>P&amp;I Clubs</i> dan Syarikat-Syarikat Pemberi Perkhidmatan Insurans untuk pengeluaran Sijil Insurans (<i>Blue Card</i>) “<i>International Convention on Civil Liability for Oil Pollution Damage, 1992</i>” (CLC 1992), “<i>International Convention on Civil Liability for Bunker Oil Pollution Damage, 2001</i>” (BCC 2001), dan <i>Nairobi International Convention on The Removal of Wreck, 2007</i> (WRC 2007).</p> | <p>1. <i>This notice serves to inform that Malaysia Marine Department has recognised P&amp;I Clubs and Insurance Service Provider Companies to issue the Insurance Certificate (Blue Card) “International Convention on Civil Liability for Oil Pollution Damage, 1992” (CLC 1992), “International Convention on Civil Liability for Bunker Oil Pollution Damage, 2001” (BCC 2001), and “Nairobi International Convention on The Removal of Wreck, 2007” (WRC 2007)</i></p> |
|--|---|

- |   |  |
|---|--|
| <p>2. Keterangan berkaitan pemakaian dan kepatuhan terhadap pengeluaran Sijil Insurans (<i>Blue Card</i>) CLC 1992, BCC 2001 dan WRC 2007 adalah seperti di <a href="#">Lampiran 1</a>.</p> | <p>2. <i>Details on the application and compliance to the issuance of Insurance Certificate (Blue Card) CLC 1992, BCC 2001 dan WRC 2007 as in <a href="#">Annex 1</a>.</i></p> |
|---|--|

### **Pemakaian**

3. Notis ini terpakai kepada semua kapal Malaysia dan kapal asing yang beroperasi dalam perairan Malaysia, dan kapal asing memasuki pelabuhan di Malaysia.
4. Senarai IG P&I Clubs, Non-IG Clubs dan Pembekal Perkhidmatan Sekuriti Insurans yang mematuhi Perintah Perkhidmatan Kewangan (Pengecualian) bagi kapal beroperasi di dalam perairan Malaysia seperti di [Lampiran 2](#) untuk tindakan selanjutnya oleh semua pihak yang berkaitan.
5. Sijil Insurans (*Blue Card*) yang dikeluarkan oleh mana-mana P&I Club atau Syarikat Pemberi Perkhidmatan Insurans selain daripada yang tersenarai adalah tidak sah untuk pengeluaran Sijil Perakuan Insuran CLC 1992, BCC 2001 dan WRC 2007 oleh Jabatan Laut Malaysia.
6. Pemilik-pemilik kapal dengan ini diingatkan bahawa kapal-kapal milik mereka diwajibkan untuk memiliki perlindungan insurans sepertimana yang diperuntukkan di dalam **Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (Seksyen 361 dan Seksyen 381A), Akta 515 (Seksyen 11) dan Akta A1394 (Seksyen 361A)**.

### **Application**

3. *This notice applies to all Malaysian and foreign ships operating in Malaysia waters and foreign ships entering Malaysian ports.*
4. *List of IG P&I Clubs, Non-IG P&I Clubs and Insurance Security Providers Complying with Financial Services Exemption Order (FSEO) For Ships Operating in Malaysian Waters as listed in [Annex 2](#) for further action by all relevant parties.*
5. *The issuance of Insurance Certificate (Blue Card) by any P&I Club or Insurance Service Provider Company which is not listed will not be valid for the issuance of the CLC 1992, BCC 2001 and WRC 2007 Certificate of Insurance by the Malaysia Marine Department.*
6. *Shipowners are hereby reminded that their ship are required to possess insurance coverage as provided in the **Merchant Shipping Ordinance 1952 (Section 361 and Section 381A), Act 515 (Section 11), and Act A1394 (Section 11A)**.*

7. Notis Perkapalan Malaysia – **NPM 05/2020** adalah dengan ini **dibatalkan**.

7. *Malaysia Shipping Notice – MSN 05/2020 is hereby **revoked**.*

Sebarang pertanyaan berkenaan Notis ini boleh diajukan kepada:

*Any inquiries concerning this Notice should be submitted to:*

[registry@marine.gov.my](mailto:registry@marine.gov.my)

[registry@marine.gov.my](mailto:registry@marine.gov.my)

Pengarah,  
Bahagian Pendaftaran Kapal,  
Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia,  
Peti Surat 12, Jalan Limbungan,  
42007 Port Klang, Selangor,  
Malaysia

*Director,  
Maritime Industrial Control Division,  
Malaysia Marine Department (HQ),  
P.O. Box 12, Jalan Limbungan,  
42007 Port Klang, Selangor,  
Malaysia*

ATAU

*OR*

[bksas@marine.gov.my](mailto:bksas@marine.gov.my)

[bksas@marine.gov.my](mailto:bksas@marine.gov.my)

Pengarah,  
Bahagian Keselamatan, Sekuriti & Alam  
Sekitar,  
Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia,  
Peti Surat 12, Jalan Limbungan,  
42007 Port Klang, Selangor,  
Malaysia

*Director,  
Safety, Security & Marine Environment  
Division,  
Malaysia Marine Department (HQ),  
P.O. Box 12, Jalan Limbungan,  
42007 Port Klang, Selangor,  
Malaysia*

**Dikeluarkan oleh;**

*Issued by;*

**Ketua Pengarah Laut  
Tarikh : 10 Mac 2023**

*Director General of Marine  
Date : 10<sup>th</sup> March 2023*